



RACE² INTEGRITY

18 OKTOBER 2024
-JUMAAT-

BRIF PERTANDINGAN



DAFTAR SEKARANG

PERTANDINGAN 'RACE2INTEGRITY'

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0 PENGENALAN	2
2.0 OBJEKTIF	2
3.0 SYARAT PENYERTAAN & FORMAT PERTANDINGAN	2
4.0 KOD ETIKA & KESELAMATAN	2
5.0 PENAMATAN DAN PENARIKAN DIRI	3
6.0 PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN	3
7.0 PRIVASI DAN PENGGUNAAN DATA	3
8.0 HAK PENGANJUR, PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT	3
LAMPIRAN A Borang Perakuan	4

PERTANDINGAN 'RACE2INTEGRITY'

1.0 PENGENALAN

Bersempena dengan Hari Integriti Kementerian Kerja Raya (KKR) 2024, Explorace dianjurkan dengan tujuan untuk menyemarakkan semangat integriti dalam kalangan warga KKR serta memupuk nilai-nilai murni yang menjadi teras kepada perkhidmatan awam yang cemerlang.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 **Memupuk Semangat Integriti:** Explorace ini bertujuan untuk menanamkan kesedaran tentang pentingnya integriti dalam setiap aspek kehidupan dan pekerjaan. Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan, peserta akan memahami dengan lebih mendalam prinsip-prinsip integriti dan cara mengaplikasikannya dalam situasi harian.
- 2.2 **Menguatkan Kerjasama Berpasukan:** Aktiviti Explorace ini juga direka untuk menggalakkan kerjasama dan komunikasi yang berkesan antara para peserta. Dengan menyelesaikan cabaran-cabaran yang memerlukan strategi dan kerjasama, peserta dapat memperkukuh hubungan dan kepercayaan antara satu sama lain.
- 2.3 **Menggalakkan Gaya Hidup Sihat:** Acara ini juga memberi peluang kepada peserta untuk beraktiviti secara fizikal, berjalan, dan berlari dalam menyelesaikan tugas-tugas yang diberikan. Ini selaras dengan usaha KKR untuk menggalakkan gaya hidup yang sihat dan aktif dalam kalangan warga kerjanya.
- 2.4 **Menghargai Kepelbagaian:** Melalui pelbagai jenis tugas dan cabaran yang direka, acara ini akan menonjolkan kepelbagaian kemahiran dan kepakaran setiap peserta. Ini akan membantu meningkatkan rasa penghargaan terhadap keunikan dan sumbangan setiap individu dalam pasukan.

3.0 SYARAT PENYERTAAN & FORMAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua kakitangan awam dari pelbagai Jabatan dan agensi di bawah KKR sahaja. Terbuka kepada **10 pasukan** terawal sahaja.
- 3.2 Setiap pasukan harus terdiri daripada sekurang-kurangnya **4 dan tidak melebihi 5 orang peserta**.
- 3.3 Setiap peserta hanya boleh menyertai satu pasukan sahaja.
- 3.4 Pertandingan ini akan dijalankan dalam beberapa peringkat dengan setiap peringkat mengandungi cabaran-cabaran tertentu.
- 3.5 Pasukan mesti melengkapkan setiap cabaran untuk mara ke peringkat seterusnya.
- 3.6 Kod Pakaian: Pakaian sukan berwarna **Hitam**.

4.0 KOD ETIKA & KESELAMATAN

- 4.1 Peserta dikehendaki mematuhi segala peraturan dan arahan yang diberikan oleh penganjur sepanjang pertandingan.
- 4.2 Peserta mesti menjaga keselamatan diri dan pasukan pada setiap masa.

- 4.3 Sebarang bentuk kelakuan tidak beretika atau tidak sopan akan menyebabkan pasukan disingkirkan dari pertandingan.
- 4.4 Setiap pasukan perlu memastikan persekitaran tempat pertandingan tidak dirosakkan.

5.0 PENAMATAN DAN PENARIKAN DIRI

- 5.1 Sekiranya peserta ingin menarik diri dari pertandingan, mereka hendaklah memaklumkan kepada penganjur secepat mungkin.
- 5.2 Pasukan yang lewat hadir pada hari pendaftaran mengikut masa yang ditetapkan oleh pihak penganjur akan tersingkir daripada menyertai pertandingan ini.

6.0 PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN

- 6.1 Penyampaian hadiah pertandingan akan diadakan pada **6 November 2024 (Rabu)** bersempena dengan Hari Integriti Peringkat KKR 2024 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, KKR.
- 6.2 Semua peserta akan diberikan sijil penyertaan selepas tamat acara *RACE2INTEGRITY*.
- 6.3 Sebarang pertikaian mengenai hadiah akan diselesaikan berdasarkan budi bicara penganjur.

7.0 PRIVASI DAN PENGGUNAAN DATA

- 7.1 Maklumat peribadi yang dikumpul melalui borang pendaftaran hanya akan digunakan untuk tujuan pertandingan ini.
- 7.2 Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bersetuju untuk membenarkan penganjur menggunakan gambar dan video yang diambil sepanjang acara untuk tujuan promosi dan kegunaan rasmi.

8.0 HAK PENGANJUR, PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT

- 8.1 Penganjur berhak untuk membuat sebarang perubahan kepada format pertandingan, lokasi atau masa jika perlu.
- 8.2 Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kerugian atau kerosakan yang dialami oleh peserta sepanjang pertandingan berlangsung.
- 8.3 Penganjur berhak untuk mengubah terma dan syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
- 8.4 Sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada peserta melalui email atau notis rasmi.
- 8.5 Keputusan pengadil adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.



PERTANDINGAN 'RACE2INTEGRITY'

BORANG PERAKUAN

PERAKUAN:

Saya/Kami telah membaca dan memahami brif pertandingan dan syarat-syarat penyertaan dan dengan ini bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat tersebut.

TANDATANGAN PEGAWAI/ PESERTA:

NAMA PESERTA & NO KAD PENGENALAN:

TANDATANGAN:

1)

2)

3)

4)

5)

Untuk Kegunaan Pihak Penganjur:

Nama Pegawai:

Cop Terima:

Tarikh: